

25/05/2000

Dr Ling wajar diberi peluang buat perhitungan

TINDAKAN Datuk Seri Dr Ling Liong Sik bercuti selama dua minggu sebelum membuat keputusan muktamad sama ada tetap dengan pendirian untuk meletakkan jawatan Menteri Pengangkutan atau sebaliknya, pasti akan menimbulkan pelbagai reaksi. Jika peletakkan jawatannya itu dikatakan mempunyai kaitan politik, ia tentunya tidak menyenangkan pihak yang mahu beliau segera berundur. Peluang politik begini memang ditunggu-tunggu oleh mana-mana pemimpin politik. Dengan melengah-lengah keputusan, hanya akan menyebabkan mereka berada dalam keadaan yang tidak pasti. Apatah lagi jika dalam tempoh bercuti itu Dr Ling akan menarik balik keputusannya yang akan menyekat peluang untuk naik setangga lagi.

Bagi yang benar-benar jujur mahu Dr Ling kekal dalam Kabinet pula, mereka mempunyai masa yang banyak untuk memujuk Presiden MCA itu supaya tidak melepaskan jawatan Kabinet. Apatah lagi, bagi mereka yang lebih rapat dengan Dr Ling berbanding dengan pemimpin dalam MCA yang lain. Ketiadaan Dr Ling mungkin akan menyebabkan mereka dianaktirikan. Sebolehnya mungkin mereka mahu Dr Ling kekal bagi memastikan kedudukan mereka tidak terjejas. Ini adalah asam garam dalam politik.

Buat masa ini, adalah dirasakan wajar Dr Ling diberi peluang seluas-luasnya membuat perhitungan masa depannya dengan tenang. Beliau tentunya lebih arif mengenai tindakan yang akan diambilnya kelak. Beliau pastinya mempunyai masalah, tetapi tidak bermakna ia tidak boleh dirongkaikan. Jika boleh, dalam tempoh dua minggu ini, beliau tidak diganggu oleh mana-mana pihak bagi membolehkannya membuat perkiraan yang bijak. Beliau perlu bebas daripada pengaruh mana-mana pihak sama ada 'kawan' atau 'lawan' politiknya. Berilah peluang kepadanya memikirkan semasak-masaknya apa juga tindakan yang akan diambil. Hakikatnya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri merestui Dr Ling bercuti supaya tidak membuat keputusan yang tergopoh-gapah.

Apapun, tindakannya itu tetap memberi kesan kepada MCA dan masyarakat Cina. Sejak memimpin MCA, Dr Ling dianggap sebagai faktor menstabilkan parti itu. Apakah beliau rela tindakannya kelak akan menyebabkan MCA berkocak? Bagi seorang pemimpin yang begitu kuat berpegang kepada prinsip kestabilan politik, Dr Ling bukanlah orangnya yang sanggup melihat parti itu berceramik. Dr Ling boleh berundur jika beliau dapat memastikan keadaan dalam parti terus mantap. Sekalipun terus memegang jawatan Presiden tetapi jika tidak memegang jawatan dalam kerajaan, kuasanya akan terbatas. Dalam keadaan hari ini, tindakan untuk menguji sokongan daripada penyokong adalah tidak sesuai. Ia lebih memburukkan keadaan.

Tidak dapat dielakkan selepas ini, kedudukannya sebagai Presiden parti akan berbangkit. Apakah beliau hanya mahu melepaskan jawatan Kabinet dan terus memegang jawatan Presiden MCA. Seandainya beliau mahu melepaskan jawatan parti, kemungkinan berlaku pertandingan adalah besar. Dalam pertandingan politik, sikap berpuk-puk akan wujud. Ini boleh menimbulkan kesan buruk jika 'yang menang mendapat semua dan yang kalah pula hilang semua.'

Apapun, Dr Ling perlu membuat pertimbangan dari semua sudut sebelum membuat keputusan muktamad. Beliau memang boleh bersara daripada Kabinet tanpa sebarang masalah. Tetapi, masalah yang ditinggalkannya adalah besar dan perlu mengambil masa yang panjang untuk diperbetulkan. Ramai pihak sudah pun merayu agar beliau menimbang semula tindakannya itu. Ini menunjukkan khidmat beliau masih diperlukan oleh parti dan kerajaan.

Sekalipun beliau mahu melepaskan jawatan, sepatutnya beliau memikirkan kesan yang akan dihadapi oleh parti. Sekiranya Majlis Presiden MCA tergamam dengan keputusannya, ini jelas menunjukkan beliau membuat keputusan tanpa berbincang dengan mana-mana pihak terlebih dulu.

Buat masa ini Dr Ling masih belum menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Perdana Menteri. Sekiranya beliau mahu terus berkhidmat, suratnya itu perlu dibakulkan saja. Mungkin tindakan itu adalah lebih baik daripada menimbulkan kegelisahan yang sia-sia.

Bagi pemimpin MCA, mereka seharusnya meletakkan kestabilan politik pada tahap yang tinggi daripada kepentingan lain. Sebagaimana yang sering dilaung-laungkan, untuk berkhidmat kepada negara, tidak semestinya mereka perlu berada dalam Kabinet. Mereka boleh memberi sumbangan dengan cara tersendiri. Jika peluang untuk menjawat jawatan dalam kerajaan masih belum tiba, mereka perlu bersabar. Apa gunanya menjawat jawatan tinggi sedangkan keadaan dalam parti bergolak. Ini akan menyebabkan mereka lebih banyak menghabiskan masa untuk menguruskan soal dalaman parti daripada menyelesaikan masalah negara dan rakyat.

(END)